

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL. 1/2020

Tarikh : **11 Mac 2020 (Rabu)**
Masa : **2.30 Petang – 4.30 Petang**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Encik Lwi Kian Keong - Pengerusi
Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Zon KLIA
2. Dr Teo Lian Seng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Zon Arked
3. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
4. Encik Lee Kang Ming (Kenneth),
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
5. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
6. Encik Rushdan bin Mohamed,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana
7. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
8. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam
9. ASP Tuan Mohd Sobri bin Taib
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang
10. Encik Anuar Ashari,
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang

11. Encik Azhar bin Azmi,
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor
12. Puan Rosmila binti Adnan,
PlanMalaysia@Selangor
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
13. Encik Zulhelmi bin Md. Pisol
Jabatan Belia dan Sukan Daerah Sepang
14. Encik Jamilulail,
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
15. Encik Almudin Abd Razak
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sepang
16. Haji Ahmad Kamarul Najam bin Datuk Hj Mohd Ghazali
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
17. Encik Mohd Shah Hambali,
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)

TURUT HADIR

18. Haji Mohd Nor Amiruddin bin Ab. Karim,
Pengarah, Unit Undang-Undang, Majlis Perbandaran Sepang
19. Puan Nur Hidayati Binti Dahalan
Ketua, Unit Tender dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang
20. Encik Noor Halif Bin Noorzan
Pengarah, Jabatan Perlesenan Dan Pengurusan Penjaja, Majlis Perbandaran Sepang
21. Encik Mohamad Shahidan Bin Hashim
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
22. Puan Suhana Mohd Soib,
Unit Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
23. Encik Hairol Azman,
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Sepang
24. Encik Muhammad Azim,
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
25. Puan Norita binti Ahmad Patanah,
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sepang
26. Puan Nur Husna Sabri,
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, Majlis Perbandaran Sepang
27. Encik Mohd Saiful,
Jabatan Penilaian, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

28. Encik Mohd Adham bin Haji Mahmood,
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
29. Encik Muhammad Syahir Bin Muhammad Syariff
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
30. Puan Norlizawati binti Samsudin,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
31. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
3. Encik Yusop bin Md Dohop,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
4. Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Sepang
5. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang
6. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
7. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang
8. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
9. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
10. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Selangor
11. Malaysia Green Technology Corporation (Greentech)
12. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS)
13. Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
14. Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang
15. Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang
16. Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
17. Unit Korporat Dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang
18. Unit Pusat Setempat, Majlis Perbandaran Sepang

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

YBhg Encik Lwi Kian Keong, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang selaku Pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Beliau telah diminta oleh Tuan Yang DiPertua, MP Sepang untuk mempengerusikan mesyuarat kerana ada urusan penting yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa negara kini mengalami wabak Covid-19 yang boleh menjejaskan kesihatan semua orang. Justeru itu, amatlah penting supaya pintu masuk utama ke Malaysia iaitu KLIA di kawal. Maklumat daripada semasa ke semasa akan dilaporkan dan dikemaskinikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Justeru itu, adalah penting untuk semua pihak mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak KKM.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.2/2019

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.3/2019 di sokong oleh Encik Rushdan bin Mohamed dan disahkan oleh Encik Lee Kang Ming (Kenneth) tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 PELAKSANAAN DAN PENGLIBATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSEPANG) DALAM GREEN TECHNOLOGY APPLICATION FOR THE DEVELOPMENT OF LOW CARBON CITIES (GTALCC) PROJECT

i) Selangor Intelligent Transport System (SITS) (Promotion & Training)


Mobile Apps SITS ini telah dikemaskinikan dan bagi meningkatkan pemantauan bas, Satu (1) cadangan pembangunan 'MBCC' (Mini Bus Control Centre) melalui pemantauan SITS akan diusahakan. Cadangan ini akan diperincikan oleh Jabatan Perancangan Bandar.

Tindakan :

Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
 SEDA Malaysia (Team GTALCC)
 SSDU, MBI Selangor
 Jabatan Kejuruteraan
 Jabatan Kawalan Bangunan




KLINIK KESIHATAN TANJUNG SEPAT (HUB)	
BALAI POLIS TANJUNG SEPAT (OPP)	37.84 km away
SURAU BAITUL RAHMAN	37.715 km away
BALAI POLIS TANJUNG SEPAT	37.842 km away
MEDAN SELERA TANJUNG SEPAT	37.721 km away



PUSAT PENJAJA TAMAN SEROJA (HUB)	
SRA BBST	13.005 km away
SAM BBST	12.95 km away
MEDAN 88	13.594 km away
SK TAMAN SEROJA (OPP)	12.074 km away
TAMAN MAWAR 2	11.841 km away (nearest)
TAMAN DAHLIA 1	12.177 km away



PEKAN SALAK (GIAT MARA OPP) (HUB)	
KLINIK KESIHATAN SALAK	15.68 km away
SK SALAK	14.903 km away
DESA SALAK MAJU	14.342 km away
DESA SALAK VILLA	15.621 km away
SK SALAK (OPP)	14.952 km away
DESA SALAK PERMAI	14.342 km away



TERMINAL IOI CITY MALL (HUB)	
MASJID UNITEN (OPP)	5.578 km away
HOSPITAL SERDANG	6.278 km away
HOSPITAL SERDANG	7.608 km away

ii) **Urban Farming Dan Community Garden Di Cyberjaya (Promosi)**

Promosi bagi projek “Urban Farming and Community Garden in Cyberjaya” sedang dilaksanakan menerusi beberapa kaedah seperti berikut :

- a) Penyediaan risalah dan video bagi hebahan (peringkat semakan)
- b) Sesi taklimat oleh pembekal kepada stakeholder/syarikat untuk pertama kali telah diadakan di rekascape pada 16 Januari 2020. Cadangan taklimat seterusnya akan diadakan di MPSepang setelah sistem aquaponics di MPSepang bersedia untuk dituai.
- c) Satu sistem aquaponics untuk pejabat MPSepang telah dipasang dan beroperasi sepenuhnya pada Bulan Mac.



- d) Satu Sesi mesyuarat penyelarasan penyelenggaraan telah diadakan pada 26 Februari 2020 bersama pihak Jabatan Landskap berkenaan penyelenggaraan sistem tersebut.

Tindakan :

*Unit Smart City Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
Urban Farm Tech Sdn Bhd*

iii) **Aplikasi Sistem ‘Smart Waste Management’ Bagi Perumahan Berbilang Tingkat. Pilot Projek di Cyberjaya (Training)**

Satu (1) sesi bengkel berkenaan “Smart Waste Management Workshop and Configuration” telah diadakan pada **19hb Disember 2019**. Bengkel ini telah dihadiri oleh urusetia (Jabatan Perancangan Bandar), Jabatan Kesihatan Persekitaran, Unit Teknologi Maklumat, KDEB Waste Management Sdn Bhd, Cyberview Sdn Bhd dan Setia Haruman Sdn Bhd. Diantara pengisian bengkel ini ialah pengurusan sampah domestic yang diuruskan dengan menggunakan konsep IOT (Internet Of Thing).



Tindakan :

*Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kesihatan, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
GeoInfo Sdn Bhd
KDEB*

3.2 **CADANGAN PELAKSANAAN EPC (ENERGY PERFORMANCE CONTRACT) BAGI PEMASANGAN LAMPU LED (LIGHT EMITTING DIODE) DI CYBERJAYA DI BAWAH INISIATIF ‘SMART & LOW CARBON CITY’, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

Jabatan Kejuruteraan telah menerima permohonan daripada dua (2) stakeholder Cyberjaya iaitu Cyberview Sdn Bhd dan Allo Technology Sdn Bhd berkenaan ‘Smart Lighting’. Persetujuan antara Stakeholder bagi pelaksanaan EPC telah dibahagikan dan pelaksanaan adalah seperti berikut:

a) **Projek Pemasangan ‘Smart Street Lighting’ di Persiaran Semarak Api oleh Majlis Perbandaran Sepang**

Smart Street Lighting yang dimaksudkan adalah sistem IOT ini berkeupayaan untuk memantau penggunaan bil elektrik dan juga dapat ‘tracking’ sekiranya terdapat kerosakan lampu.



b) Projek Pemasangan ‘Smart Street Lighting’ di Persiaran Multimedia oleh Cyberview Sdn Bhd & Allo Technology Sdn Bhd

Kerjasama oleh ‘Cyberjaya Stakeholder’ ditangguhkan kerana pihak Allo Technology Sdn Bhd hanya mendapat 50 unit ‘smart devices’ (Dari Terragraph) dan tidak mencukupi untuk pemasangan di Persiaran Multimedia. Pihak Allo telah memasang alat ‘terragraph’ tersebut di ‘Magic Campus’ untuk pengujian.

Tindakan :

*Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Cyberview Sdn Bhd
Allo Technology Sdn Bhd*

3.3 “DETAIL SITE SUITABILITY AND BUSINESS MODEL STUDY FOR ON-SITE WASTE PROCESSING” DI BAWAH KOMPONEN 3 (GTALCC) : LOW CARBON TECHNOLOGY INVESTMENTS IN CITIES OLEH SEDA MALAYSIA

Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak SEDA Malaysia bahawa kajian ini telah siap sepenuhnya. Cadangan ‘Business Model’ hasil daripada kajian ini melibatkan pelaburan atau sejumlah peruntukan yang tinggi. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak SEDA Malaysia hanya membiayai kos kajian sahaja. Hasil daripada kajian ini samada hendak dilaksanakan atau sebaliknya perlulah diputuskan oleh pihak MPSepang dan Kerajaan Negeri Selangor.

Mesyuarat bersetuju supaya hasil kajian ini dibentangkan oleh pihak Konsultan / SEDA Malaysia di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor pada mesyuarat akan datang.

Tindakan

*Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Kesihatan Persekitaran
SEDA Malaysia (GTALCC)
KDEB Waste Management*

3.4 CADANGAN PENILAIAN BANDAR RENDAH KARBON UNTUK KESELURUHAN ZON / BANDAR CYBERJAYA SECARA ‘CITY BASED APPROACH’ UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2020

MPSepang telah mendapat Pengiktirafan Low Carbon Cities 2030 Challenge iaitu “Diamond Recognition” bagi Zon Cyber 1, Cyberjaya dengan pengurangan kadar pelepasan karbon sebanyak 33.69 peratus (4 Diamond) berdasarkan penilaian 4 elemen LCCF bagi tahun 2016 - 2018. Pihak MPSepang juga telah memberikan penghargaan kepada Stakeholder di Cyber 1 pada 21 Oktober 2019 sempena Majlis Townhall Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya.

Bagi tahun 2020, penilaian LCCF ini dicadangkan untuk diperluaskan ke 12 zon atau bandar Cyberjaya. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju berhubung cadangan ini dan perincian cadangan akan dikemukakan oleh Pasukan kerja ‘Smart & Low Carbon City’ MPSepang.

Tindakan

*Pasukan Kerja ‘Smart & Low Carbon City’ (SLCCF)
Greentech Malaysia*

3.5 STATUS PEMANTAUAN, PENYELENGGARAAN DAN OPERASI 32 UNIT CCTV DI BAWAH PROJEK MERS999 / BANDAR PINTAR CYBERJAYA DAN 50 UNIT CCTV DI BAWAH PROJEK SELANGOR STATE CCTV UNTUK DAERAH SEPANG

Satu (1) mesyuarat bersama pihak Vads Lyfe Sdn. Bhd (Syarikat penyelenggaraan CCTV) dan dihadiri oleh Polis Daerah Sepang, Jabatan Penguatkuasaan dan Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Perancang MPSepang dan pihak Cyberview Sdn Bhd telah diadakan pada 3 Mac 2020. Rumusan daripada Mesyuarat tersebut adalah seperti berikut :

- i. Pihak IPD Sepang akan menyediakan data statistik jenayah mengikut kawasan yang di pasang CCTV dengan kerjasama pihak Vads Lyfe Sdn Bhd (Syarikat penyelenggara CCTV). Laporan keberkesanan penggunaan CCTV tersebut akan disediakan secara bersama dengan syarikat Vads Lyfe Sdn Bhd. Tempoh masa yang diperlukan adalah selama tiga (3) bulan dan dijangkakan boleh dibentangkan pada Jun / Julai 2020.
- ii. Keberkesanan CCTV juga perlu mengambilkira pegawai yang berpengetahuan dalam mengendalikan CCTV. Pertukaran pegawai dan kakitangan serta kekurangan latihan menyebabkan CCTV tidak dipantau. Justeru, Latihan penggunaan peralatan CCTV melibatkan pegawai/kakitangan IPD Sepang dan MPSepang akan diselaraskan oleh pihak syarikat Vads Lyfe Sdn Bhd kerana pakej latihan secara percuma termasuk di dalam kontrak dan penyelenggaraan CCTV.
- iii. Berdasarkan maklum balas umum semasa mesyuarat, 32 CCTV di Cyberjaya dan 50 di Daerah Sepang (Luar Cyberjaya) didapati membantu pihak Polis khususnya dalam kes-kes yang melibatkan kemalangan jalan raya. Selain itu, pokok-pokok yang ditanam berdekatan dengan CCTV juga perlu diselenggara supaya tidak menghadang pandangan CCTV.

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan perkara-perkara yang tersebut di atas. Walaubagaimanapun, mesyuarat juga memohon supaya cadangan penambahan CCTV di masa akan datang mengambilkira 'Refreshment Technology' khususnya daripada aspek 'Face Recognise', pengiraan kenderaan, dan sebagainya.

Berhubung penambahan CCTV yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri di kawasan PBT di Selangor, pihak Unit ICT MPSepang akan memaklumkan status semasa di mesyuarat akan datang. Pihak IPD Sepang (PDRM) juga menyokong usaha ini dan mencadangkan supaya penetapan lokasi juga adalah di kawasan yang kerap berlakunya jenayah dan juga kemalangan.

Tindakan
VadsLife Sdn Bhd
Jabatan Perancangan Bandar
Unit Teknologi Maklumat (ICT)
Jabatan Penguatkuasaan
IPD Sepang / Balai Polis Cyberjaya
Cyberview Sdn Bhd

3.6 CADANGAN POLISI PENGURUSAN TENAGA DAN PEMBENTUKAN 'SMART ENERGY COMMITTEE' (SEC MPSEPANG) BAGI PELAKSANAAN PROGRAM KECEKAPAN TENAGA (ELEKTRIK & AIR) UNTUK BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DENGAN KERJASAMA 'SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY MALAYSIA' (SEDA MALAYSIA)

Susulan itu, pihak Majlis telah berjaya mendapat satu (1) **Diamond** melalui '**Persijilan SEDA Malaysia Sustainable Energy Low Carbon Building Assessment Greenpass Operation**' bagi pengurangan kadar pelepasan karbon sebanyak **2.46 peratus bersamaan 29.73 tonne CO₂/year atau 42,840 KWh/year** bagi Bangunan Majlis Perbandaran Sepang.

Pihak MPSepang bercadang untuk meneruskan usaha dalam mengurangkan kadar penggunaan elektrik atau pelepasan karbon bagi tahun 2020 samada melalui pemasangan Solar Panel, amalan hijau dikalangan kakitangan dan seumpamanya.

Tindakan

*Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Smart Energy Committee MPSepang*

3.7 CADANGAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MAMPAN @SEPANG (GPPMS) DI PERINGKAT PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG, PELAN KERJA TANAH, PELAN BANGUNAN DAN PELAN LANDSKAP, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

GPPMS ini juga dilaksanakan didalam penyediaan Kebenaran Merancang (KM). Satu sesi dengan Jabatan Teknikal telah dibincangkan semasa Bengkel Pemerkasaan Teknikal di peringkat MPSepang pada 4 – 6 Mac 2020 yang lalu di Kinrara Resort.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan GPPMS ini memerlukan kerjasama Jabatan Teknikal yang lain memandangkan pelaksanaan GPPMS ini melibatkan pelbagai jabatan dan juga perkhidmatan dan penyelenggaraan (after sales) selepas pelaksanaan. Sebagai contohnya pemasangan CCTV, selepas tamatnya 'Defect Liability', agensi manakah yang perlu menyelenggara dan seumpamanya.

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju supaya satu sesi 'brainstorming' / FGD / Bengkel dan lain-lain dapat diadakan dengan 'Services Provider Technology' atau pihak Pemaju supaya wujudnya 'win-win situation' untuk semua pihak.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan Teknikal, MPSepang
Semua Agensi Teknikal luaran
Semua Ahli Majlis*

3.8 CADANGAN MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN AWAM BERHUBUNG PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR (SMART CITY), KEMPEN CEKAP TENAGA & PEMBANGUNAN MAMPAN MELALUI HEBAHAN ANIMASI SECARA KOLABORASI ANTARA MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DAN WAU ANIMATION SDN BHD.

Pihak Wau Animation Sdn Bhd yang merupakan pemilik animasi terkini “Ejen Ali” telah mencadangkan supaya menggunakan ‘Kapten Sepang’ yang ‘Stylo’ bagi mempromosikan karektor ‘Smart City’ dan penguatkuasaan di Daerah Sepang dan Cyberjaya khususnya.

Justeru itu, Satu (1) mesyuarat susulan bersama pihak Wau Animation, Unit Korporat, Jabatan Penguatkuasa dan Unit ICT telah diadakan pada 4 Mac 2020 (Rabu) bagi membincangkan perkara ini. Walaubagaimanapun, penyediaan animasi atau ikon Smart City, Penguatkuasaan, Pembangunan Mampan untuk MPSepang ini tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mempunyai peruntukan khas memandangkan cadangan kos dikemukakan pada penghujung tahun 2019.

Pihak Wau Animation telah mengemukakan ‘Rollout Plan’ dan kos seperti berikut :

- a. Aset Creation & Modelling (New Mascot in 3D Animation) (2 Weeks) : RM15,000
- b. Storyboard Development & Ideation (2 Weeks) (2 Ammendment) : RM10,000
- c. 60 saat Animation + Render & Compositing (3 Weeks) (2 Ammendment) : RM90,000
- d. Music Composition, Sound Effects, Voice Talent & Final Mix : RM10,000
- e. 3 Generic Poses of the Mascot in 3D (Complimentary)

Jumlah = RM 125,000 | 6% SST= RM 7,500

Jumlah Keseluruhan : RM132,500

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju supaya Kapten Sepang didaftarkan dengan Mylpo sebagai Ikon Smart City, Penguatkuasaan, Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang untuk hebahan kesedaran awam secara animasi kepada komuniti di Daerah Sepang.

Mesyuarat mempertimbangkan perkara ini untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun, perlaksanaan ini tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa MPSepang samada boleh menggunakan peruntukan khas, luar jangka atau menunggu ‘review budget’ pada bulan Jun 2020.

Tindakan

*Bahagian Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Bahagian Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Banda, MPSepang
Unit Korporat & Perhubungan Awam, MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat (ICT), MPSepang
Wau Animation Sdn Bhd*

4.0 PERKARA YANG DIBINCANGKAN

4.1 PELAPORAN STATISTIK JENAYAH KEKERASAN DAN JALANAN SERTA JENAYAH HARTA BENDA, STATISTIK KEMALANGAN JALANRAYA DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SEHINGGA FEBRUARI 2020.

Pembentangan disampaikan oleh ASP Tuan Mohd Sobri bin Taib, Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, IPD Sepang bagi bulan Februari 2020 secara perbandingan data tahun 2019.

Statistik Jenayah Kekerasan, Jalan dan Jenayah Harta Benda

Berdasarkan perbandingan dan analisa statistik jenayah di Daerah Sepang bagi jenayah kekerasan mendapati terdapat penurunan sebanyak 36.36 peratus sehingga Februari 2020 berbanding tahun 2019. Manakala jenayah harta benda juga didapati menurun sebanyak 23.28 peratus.

Cadangan Encik Rushdan bin Mohamed, Ahli Majlis MPSepang memohon supaya pihak IPD Sepang dapat menambah kategori seks bawah umur iaitu pecahan daripada kategori rogol. Ini bertujuan membolehkan usaha-usaha dengan pihak sekolah, Jabatan Agama dan agensi berkaitan untuk kategori seks bawah umur.

Statistik Kemalangan Jalanraya

Statistik kemalangan jalan raya pula didapati terus menurun bagi Februari 2020 sebanyak 40 kes berbanding tahun 2019 dengan jumlah kes sebanyak 677 kes kemalangan bagi tahun 2020.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat mengambil maklum mengenai statistik jenayah kekerasan dan jenayah harta benda sehingga Februari 2020 dan perbandingan tahun 2019. Begitu juga dengan kes kemalangan jalan raya yang berlaku di Daerah Sepang.

Tindakan

*Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD / PDRM)
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang*

4.2 **CADANGAN PROGRAM 'CAR BOOT SALE GATHERING' SEMPERA TAHUN MELAWAT SEPANG 2020**

Pembentangan disampaikan oleh Encik Noor Halif bin Noor Zan, Pengarah, Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja, Majlis Perbandaran Sepang.

Program CBS Gathering adalah antara program yang telah direncanakan ke dalam Takwim TMS 2020 sebagai salah satu program untuk menarik pelancong domestik dan luar negara ke daerah Sepang sempena TMS 2020.

Program ini akan dijalankan di BBST Business Park (Medan 120) pada 27 hingga 29 Mac 2020 di mana akan melibatkan sekurang-kurangnya 150 pempamer Car Boot selain jualan makanan dan minuman daripada perniagaan berkonsepkan Trak Makanan Bergerak. Program ini dijangka akan dihadiri oleh seramai 1,500 pengunjung sepanjang ianya berlangsung.

Susulan daripada peningkatan kes Covid-19 yang telah dilaporkan, iaitu sebanyak 117 kes sehingga 9 Mac 2020 (*sumber daripada portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga 9 Mac 2020, 4.00 petang*), Jawatankuasa Acara bagi TMS 2020 iaitu sebagai penganjur program ini telah mendapatkan pandangan daripada National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) dan Pejabat Kesihatan Daerah Sepang pada 6 Mac 2020. Berdasarkan maklumbalas awal, Jawatankuasa telah diberikan maklumat berkenaan sifat virus serta langkah pencegahan yang perlu dibuat oleh pihak Majlis sekiranya program ini perlu diteruskan.

Berdasarkan keperluan yang telah digariskan oleh KKM seperti saringan demam dikalangan pengunjung, menyediakan cecair pencuci tangan (hand sanitizer), memakai penutup hidung dan mulut dan lain-lain, kos keseluruhan program akan meningkat bagi menyediakan kemudahan seperti yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat memutuskan untuk **menangguhkan penganjuran program 'Car Boot Sale Gathering'** sempena Tahun Melawat Sepang 2020 ini susulan peningkatan kes Covid-19. Mesyuarat juga bersetuju supaya hebahan kepada orang awam dan pempamer yang terlibat berhubung penangguhan program ini di buat melalui Aplikasi Visit Sepang, Media Sosial MPSepang (Facebook), laman web dan seumpamanya.

Mesyuarat berpandangan adalah wajar supaya segala bentuk program yang melibatkan ramai orang awam dapat ditangguhkan seketika dan akan diteruskan semula bila keadaan pulih seperti sedia kala.

Tindakan

*Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang
Unit Korporat dan Perhubungan Awam, MPSepang
Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang*

4.3 CADANGAN PERTANDINGAN INOVASI KEBUN KOMUNITI @SEPANG DI BAWAH PROGRAM 'LOCAL AGENDA 21', MAJLIS PERBANDARAN SEPANG.

Pembentangan disampaikan oleh Encik Mohd Adham bin Hj Mahmood, Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

Pelaksanaan Kebun Komuniti @Sepang telah mula sejak tahun 2013. Pada tahun 2019 pula, satu Pelan Tindakan Kebun Kejiranan Di Bawah Program Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang (2019-2025) telah disediakan bagi menyelaraskan dan menambah baik pelaksanaan kebun kejiranan di peringkat Majlis Perbandaran Sepang.

Berdasarkan kepada penemuan semasa menyediakan Pelan Tindakan Kebun kejiranan di peringkat Majlis Perbandaran Sepang mendapati kebun komuniti dilihat mendapat sambutan daripada orang yang telah berpencen (bersara) yang mana mempunyai masa untuk bercucuk tanam. Selain daripada itu, penduduk yang bekerja pula, tidak dapat memperuntukkan masa sepenuhnya dan hanya dapat meluangkan masa pada hujung minggu sahaja. Justeru itu, Cadangan Pertandingan Inovasi Kebun Komuniti @Sepang ini diadakan adalah untuk menggalakkan lagi aktiviti kebun komuniti secara kolaborasi dengan agensi luar atau sektor swasta di bawah program Local Agenda 21 selaras dengan *Strategi 3 : Mempromosikan Program Kebun Kejiranan, Pelan Tindakan Pelaksanaan Kebun Kejiranan Majlis Perbandaran Sepang (2019-2025)*.

Objektif Pertandingan Kebun Komuniti @Sepang adalah seperti berikut :

- a). Menggalakkan program kebun Komuniti @Sepang selaras dengan Pelan Tindakan Kebun Kejiranan Majlis Perbandaran Sepang (2019-2025)
- b). Menerapkan pelaksanaan elemen hijau dan rendah karbon kepada penduduk di dalam daerah Sepang.
- c). Mengeratkan hubungan silaturahim diantara masyarakat, agensi kerajaan dan sektor swasta yang berorientasikan penjagaan alam sekitar, penghasilan makanan tempatan dan juga penjana ekonomi.

Peserta bagi pertandingan Inovasi Kebun ini akan melibatkan pengusaha / persatuan komuniti yang telah menjalankan kebun komuniti sedia ada di bawah program Local Agenda 21. Berikut adalah senarai kebun di bawah program Local Agenda 21.

- a) Kebun Kejiranan Pangsapuri Baiduri Court
- b) Dusun Komuniti Taman Arked
- c) Kebun Komuniti Taman Lestari Permai
- d) Eco Dusun@Clover Residence, Cyberjaya
- e) Kebun Komuniti Desa Pinggiran Putra

Penel Penilai bagi pemarkahan pertandingan ini, cadangan agensi adalah :

- a) Jabatan Pertanian Malaysia (Selangor)
- b) MARDI Selangor
- c) Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
- d) Lain-lain jabatan yang difikir perlu

Sebagai tanda penghargaan, Cadangan hadiah kepada pemenang adalah dalam bentuk wang tunai seperti berikut .

PENGHARGAAN TEMPAT	HADIAH (RM)
Pertama (1)	2,000.00
Kedua (2)	1,500.00
Ketiga (3)	1,000.00
Keempat (4)	500.00
Kelima (5)	500.00
JUMLAH	5,500.00
<i>Ringgit Malaysia : Lima Ribu Lima Ratus Sahaja</i>	

KEPUTUSAN MESYUARAT

Ahli Mesyuarat yang bersidang telah mempertimbangkan perkara berikut :

- i. Bersesetuju bagi Cadangan Pertandingan Inovasi Kebun Komuniti @Sepang anjuran Majlis Perbandaran Sepang ;
- ii. Bersetuju terhadap cadangan pindaan hadiah penghargaan kepada pemenang dengan perincian seperti berikut :

PENGHARGAAN TEMPAT	HADIAH (RM)
Pertama (1)	3,000.00
Kedua (2)	2,000.00
Ketiga (3)	1,500.00
Keempat (4)	1,000.00
Kelima (5)	1,000.00
JUMLAH	8,500.00
<i>Ringgit Malaysia : Lapan Ribu Lima Ratus Sahaja</i>	

- iii. Bersetuju segala peruntukan di atas menggunakan peruntukan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang.
- iv. Bersetuju supaya penyertaan melibatkan Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Komuniti di peringkat MPSepang menjalankan aktiviti Kebun Komuniti @Sepang diperluaskan di masa akan datang mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MPSepang.

Tindakan
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Persatuan Penduduk / Komuniti di Daerah Sepang

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 HEBAHAN PERKEMBANGAN COVID 19 DI 'LED BILLBOARD' MPSEPANG

Dr. Teo mencadangkan supaya hebahan Covid 19 samada informasi arahan, kaedah-kaedah pencegahan dan statistik Covid 19 dapat dipaparkan di 'Led Billboard' MPSepang. Ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang awam dan juga merupakan salah satu inisiatif PBT dalam menangani Covid 19. Dr Teo juga mencadangkan penyediaan poster, risalah Covid 19 untuk dibuat edaran kepada orang awam khususnya di kawasan tumpuan seperti pasar awam, restoran, bank, pasaraya dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi juga mengesyorkan supaya satu (1) mesyuarat khas dicadangkan diadakan berhubung perkembangan Covid 19 di Daerah Sepang supaya Ahli Majlis juga dapat memainkan peranan dalam menangani wabak Covid 19.

Tindakan

*Jabatan Kesihatan Persekutaran, MPSepang
Jabatan Kesihatan Daerah Sepang
Unit Korporat dan Perhubungan Awam, MPSepang*

5.2 PEMBINAAN 'LED BILLBOARD' MPSEPANG DI PERSIMPANGAN DENGKIL

Encik Kenneth memohon supaya 'Led Billboard' dipersimpangan Dengkil yang dibina supaya dapat disiapkan dengan segera. Pihak Jabatan Kejuruteraan (Encik Azim) telah memaklumkan bahawa kerja-kerja di peringkat akhir dan akan boleh digunakan dalam tempoh seminggu sahaja lagi.

Tindakan

*Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Persatuan Penduduk / Komuniti di Daerah Sepang*

5.3 CADANGAN PELUPUSAN KENDERAAN TERPAKAI KEPADA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) UNTUK KEGUNAAN PELATIH AADK

Wakil daripada pihak AADK memohon sekiranya terdapat kenderaan yang ingin dilupuskan oleh pihak MPSepang dan masih berkeadaan baik supaya dapat diserahkan kepada pihak AADK. Kenderaan terpakai tersebut adalah untuk digunakan bagi melatih di Pusat latihan / Pusat Serenti.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Pelupusan terlebih dahulu. Kenderaan yang akan dilupuskan adalah kenderaan yang boleh diguna pakai atau berfungsi sahaja. Pihak AADK di pohon untuk mengemukakan surat permohonan kepada pihak MPSepang bagi tindakan lanjut.

Tindakan

*Jabatan Penguatkuasa, MPSepang
Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih / Kenderaan, MPSepang*

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 4.57 petang.